

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30 MAY 2016



BH-30/5/2016

Lebih 200 tetamu terdiri daripada ahli Pertubuhan Seni Silat Lincak Malaysia (PSSLM) berhimpun pada majlis bacaan tahlil untuk Pendekar Negara, Allahyarham Tan Sri Omardin Mauju di Kompleks Lincak Mahaguru Omardin di Kuala Lumpur, semalam. Yang turut hadir Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas; bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Penasihat Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan Kerajaan Malaysia, Tan Sri Dr Rais Yatim. Allahyarham yang juga pengasas PSSLM, meninggal dunia di Hospital Tawakal, Kuala Lumpur 20 Jun tahun lalu akibat komplikasi buah pinggang.